

03 MAR 1998

Moggie-Y2K

MEKANISME UNTUK AWASI SYARIKAT BERHUBUNG Y2K, KATA MOGGIE

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Satu mekanisme akan diperkenalkan untuk mengawasi langkah-langkah yang diambil oleh syarikat dalam menangani masalah "millennium bug" atau Y2K, kata Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie hari ini.

"Kita mungkin memikirkan mengenai satu mekanisme yang memerlukan syarikat memberi persijilan bahawa mereka telah melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan sistem mereka bersedia menghadapi tahun 2000," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Majlis Rangkaian Perkhidmatan Digital Bersepadu Asia ke-20 (AIC) di sini hari ini.

Moggie juga mengingatkan semua ketua pegawai eksekutif (CEO) supaya memainkan peranan dalam menyelesaikan masalah Y2K di pertubuhan mereka.

Masalah Y2K merujuk kepada ketidakupayaan komputer untuk membaca tahun "00" sebagai tahun 2000 kerana angka itu juga melambangkan tahun 1900 dalam sistem dua angka.

"Sekiranya ketua eksekutif tidak komited untuk memastikan rangkaian mereka diperiksa dengan betul, menjelang tahun 2000 pasti akan timbul masalah. Masalah ini tidak harus dibiarkan kepada pengaturcara komputer menyelesaikannya...ia harus bermula dari peringkat CEO...mereka harus melihat kepada isu itu," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mempengerusikan mesyuarat keenam Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) pada Januari, melahirkan kebimbangan berhubung kurangnya tindakan segera di kalangan syarikat kecil dan sederhana di negara ini dalam menangani masalah Y2K.

Mengenai cadangan Pasukan Petugas Y2K NITC untuk menubuhkan sebuah biro Y2K dan membubarkan pasukan petugas itu, beliau berkata beliau perlu merujuk perkara itu dengan NITC.

Beliau berkata kementerian juga perlu berbincang dengan NITC mengenai peranannya dan pembabitan kementerian dalam menangani isu itu dan untuk memastikan tidak ada pertindihan kerja di antara kedua-dua pihak.

"Perkara yang penting ialah bahawa negara ini, industri dan agensi-agensi kerajaan sudah cukup bersedia dengan isu Y2K. Ada kalanya beberapa pertubuhan memandang ringan perkara ini...dan apabila tahun 2000 muncul pasti akan berlaku masalah," katanya .

Kira-kira 140 orang termasuk 69 dari luar negara menghadiri persidangan lima hari itu untuk membincangkan isu-isu mengenai ISDN.

Mengenai penekanan agar Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) menggunakan teknologi ISDN, beliau berkata objektifnya adalah untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik daripada segi kecepatan, kualiti audio dan visual di Internet.

"ISDN akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna Internet. Jika kita berhubung menggunakan talian telefon biasa, kualiti dan kecepatan yang dapat diakses kurang memuaskan," katanya.

AIC, sebuah pertubuhan tidak mencari keuntungan, ditubuhkan pada 1988 dan mempunyai lapan negara anggota -- Jepun, Korea, Filipina, Singapura, Thailand, Indonesia, China dan Malaysia. -- BERNAMA

HS AKD